



GAMBAR-GAMBAR menunjukkan bas ekspres yang terjunam dalam parit ditarik naik di Kilometer 19, Jalan Ayer Hitam, Johor semalam.

kosmo 8/11/2011 Ms 6.

Pemandu memandu laju punca kenderaan terbabas langgar penghadang lebuh raya

25 cedera nahas bas masuk parit

Oleh RADIAH SAORI
radiah.saori@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU - Bagai mati hidup semula. Demikian yang dialami 25 penumpang termasuk empat warga Kemboja apabila bas ekspres yang mereka naiki terjunam ke dalam parit berhampiran Plaza Tol Kulajaya di Kilometer 19, Jalan Ayer Hitam di sini semalam.

Pengalaman menakutkan itu berlaku pada pukul 4.40 pagi apabila bas berkenaan yang dalam perjalanan dari Taiping, Perak menuju ke Johor Bahru itu dipercayai dipandu laju sebelum hilang kawalan dan terbabas.

Akibat kejadian itu, semua penumpang cedera dengan tiga daripada mereka parah. Tiga yang

parah itu membabitkan dua lelaki dan seorang wanita.

Pemandu bas dan pembantunya cedera ringan.

Seorang penumpang, D. Kanageswaran, 30, berkata, keadaan mula cemas apabila bas terbabit melanggar penghadang sebelum menjunam ke dalam parit selepas kira-kira lima kilometer keluar dari Plaza Tol Kulajaya.

Menurutnya, kejadian berlaku pantas menyebabkan dia dan penumpang lain tidak sempat untuk melindungi diri masing-masing.

"Saya ingat sudah mati namun sedar-sedar saya masih boleh bergerak walaupun bas sudah berada di dalam parit.

"Saya kemudian terdengar ramai penumpang mengerang kesakitan menyebabkan saya jadi pa-



S. PARVATHI

nik dan terus mencari ibu serta isteri saya yang duduk di hadapan," cerita Kanageswaran ketika ditemui di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini semalam.

Sebaik menemui ibu dan isterinya, Kanageswaran yang tiada jalan keluar terpaksa menendang cermin hadapan bas untuk me-



D. KANAGESWARAN

nyelamatkan diri.

Penumpang lain juga kemudian ikut Kanageswaran dan keluarganya keluar melalui cermin depan bas yang dipecahkannya.

Katanya, akibat kemalangan itu, dia mengalami kecederaan di kepala dan kaki manakala ibunya, P. Saraswati, 61, bengkak di muka.

Isterinya, P. Kogilawani, 30, pula mengalami kecederaan lebih serius dan terpaksa ditahan di HSA.

Seorang lagi penumpang, S. Parvathi, 26, berkata, dia sudah mula membayangkan maut apabila terperangkap di dalam lumpur akibat kemalangan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, dia

bernasib baik apabila diselamatkan seorang lelaki tidak dikenali.

"Separuh badan saya terkeluar dari bas setelah kepala saya terhentak ke cermin bas akibat impak kemalangan tersebut.

"Saya tidak boleh bangun apabila separuh badan saya yang terkeluar terperangkap di dalam lumpur sehingga terpaksa ditarik keluar seorang lelaki," katanya yang cedera di kepala.

Sementara itu, Timbalian Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Supritendan Akhir Ishak berkata, pemandu bas yang berusia 45 tahun ditahan untuk diambil keterangan.

"Siasatan awal mendapati kemalangan itu berlaku selepas bas itu dipercayai dipandu laju," kata beliau.